Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, JUMAAT, 17 FEBRUARI, 1978

BAGI PERHEBATKAN KEMAJUAN INDUSTRI

Kilang2 akan didirikan di negeri2 yang mundur

PADANG SANAI (KEDAH), Khamis. — Kerajaan telah mengarahkan supaya kilang-kilang yang diluluskan didirikan di negeri-negeri yang kurang maju sebagai langkah memperhebatkan lagi usaha membawa kemajuan perindustrian ke negeri-negeri yang mundur.

Pemangku Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini di samping itu Kerajaan Pusat juga melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Perusahaan Awam serta Fida sentiasa berusaha dari masa ke semasa untuk menarik para pelabur asing dengan banyaknya ke negara ini.

"Dengan kedatangan usahawan-usahawan luar negeri maka mudahlah kita menyalurkan projek-projek berkenaan ke tempat-tempat yang kurang membangun," katanya.

Beliau menyatakan demikian di upacara perasmian kilang gula dan ladang tebu, Syarikat Gula Padang Terap berharga $103 juga oleh Sultan Kedah di sini. Ucapannya dibacakan oleh Menteri Perusahaan Awam, Datuk Haji Mohamad Yaacob.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menambah, "janji-janji

DR. MAHATHIR

Kerajaan hendak membawa pembangunan ke tempat-tempat yang kurang bernasib baik telah terbukti dari masa ke semasa."

Di samping itu, katanya, usaha Kerajaan hendak membanyakkan bahan makanan terutama yang dikeluarkan dalam negeri juga menampakkan kejayaan yang baik.

Usaha-usaha itu mencapai matlamat cukup untuk keperluan sendiri seumpama itu sangat mustahak untuk mengelakkan dari para pembekal bahan-bahan keperluan diancam oleh keadaan di luar negeri.

Mengenai usaha membenteras kemiskinan pula, Pemangku Perdana Menteri berkata Kerajaan terpaksa menekankan tentang mustahaknya penglibatan kaum Bumiputera dalam projek-projek pembangunan seperti projek gula tebu Padang Terap itu.

Untuk itu Bumiputera haruslah bersedia melibatkan diri melalui latihan-latihan yang berkaitan dengan pengurusan samaada dari aspek pentadbiran teknik dan sebagainya, katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa bersedia untuk menyerahkan bantuan saham yang dimiliki dalam syarikat-syarikat usahasama dengan pihak swasta jika didapati ada Bumiputera yang mampu, sesuai dan layak.

Dato Seri Dr. Mahathir mensifatkan projek gula itu sebagai salah satu usaha kerajaan untuk memperbagaikan ekonomi negeri ini. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, JUMAAT, 17 FEBRUARI, 1978

Mahathir akan rasmi pasar malam Jitra

JITRA, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan pasar malam di Jalan Sungai Korok di sini pada malam 26 Februari.

Beliau juga akan menyaksikan kegiatan perniagaan yang dijalankan oleh para peniaga kecil sekitar tempat tersebut selepas perasmian itu.

Pasar malam itu dibuka sejak pertengahan bulan lalu dianjurkan oleh Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kubang Pasu.

Setiausaha majlis itu, Encik Sulaiman bin Haji Daud berkata sehingga ini $16,200 telah dibelanjakan bagi menyediakan kemudahan di situ. — Bernama.